

MQR senarai 1,852 program ditawarkan IPT

Kursus di IPTA, politeknik, kolej komuniti diiktiraf JPA

Oleh Syuhada Choo Abdullah

DAFTAR Kelayakan Malaysia (MQR) menyenaraikan 1,852 program ditawarkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), IPT swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti, sejak pelancarannya pada 5 Januari lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Zita Mohd Fahmi, berkata statistik hingga semalam itu meliputi 184 program pengajian IPTA, 1,630 (IPTS), 20 (politeknik) dan 18 (kolej komuniti).

Katanya, lapan IPTA berkenaan ialah Kolej Tunku Abdul Rahman membabitkan enam program diploma dan diploma lanjutan (tiga), Universiti Malaysia Sabah ijazah sarjana muda (54), Universiti Malaysia Terengganu ijazah sarjana muda (20).

Seterusnya, beliau berkata, Universiti Pendidikan Sultan Idris, ijazah sarjana muda (19), Universiti Sains Islam Malaysia, ijazah sarjana muda (empat), Universiti Teknikal Malaysia diploma (lima) dan ijazah

sarjana muda (10), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, diploma (13) dan ijazah sarjana muda (12) dan juga Universiti Utara Malaysia, ijazah sarjana muda (38).

"Program tawaran IPTA, politeknik dan kolej komuniti berkenaan mempunyai pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala yang dijalankan 240 IPTS dalam senarai MQR itu pula sudah memiliki akreditasi.

FAKTA NOMBOR

Senarai MQR sehingga semalam

1,630

Program IPTS

222

Program IPTA, politeknik, kolej komuniti

"Berbanding di bawah Lembaga Akreditasi Negara sebelum ini yang menyediakan maklumat nama IPT dan program serta tempoh sah laku akreditasi, MQR mengandungi informasi tambahan seperti bilangan jam kredit, tempoh pengajian dan juga tahap kelayakan.

"Bagaimanapun, MQA akan berusaha menambah maklumat dari semasa ke semasa untuk kemudahan rujukan orang ramai, terutama ibu bapa dan pelajar bukan saja di dalam negara tetapi juga luar negara. Setakat semalam, senarai MQR sudah menerima 5,781 pelawat.

"Malah, ada perancangan ke arah memasukkan maklumat mengenai hasil pembelajaran suatu program itu di mana pelajar diberi gambaran kemahiran atau kepakaran yang sepatut dimiliki apabila tamat pengajian.

"Selain itu, MQA sedang peringkat perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia untuk turut menyenaraikan program di bawah Sijil Kemahiran Malaysia dalam MQR pada masa depan," katanya kepada

Berita Harian, semalam.

Ketika ini, Zita berkata, MQA mengambil pendekatan mengakreditasi secara terus program ditawarkan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti yang sudah memperoleh pengiktirafan JPA.

Namun bagi program baru yang bakal ditawarkan institusi berkenaan, beliau berkata, ia perlu melalui proses akreditasi MQA sekiranya mahu disenaraikan dalam MQR.

Begitupun, katanya, MQA perlu membuat persediaan rapi sebelum memulakan pelaksanaan itu bagi memastikan proses lancar serta paparan maklumat tepat, manakala pihak IPTA pula memerlukan masa untuk mengemukakan permohonan lengkap.

"Proses penyelarasan program tawaran IPTA serta IPTS lain akan dijalankan secara berterusan selaras peranan MQR sebagai rujukan maklumat yang banyak, tepat dan konkrit bagi membantu pelajar membuat pilihan lebih baik dalam melanjutkan pelajaran," katanya.